

11/05/2003

MIC derma RM100,000 untuk Tabung Iraq

KUALA LUMPUR: MIC menyumbangkan RM100,000 untuk tabung kemanusiaan Iraq kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tanda keprihatinan parti politik itu terhadap usaha kerajaan membantu pembangunan semula negara terbabit selepas pencerobohan Amerika Syarikat (AS).

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang menyerahkan sumbangan itu kepada Dr Mahathir, berkata parti itu menyokong penuh bantahan kerajaan terhadap pencerobohan AS dan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan yang mencabuli kedaulatan Iraq.

Katanya, pembangunan semula Iraq juga menjadi satu daripada usul yang dibentangkan pada hari kedua Perhimpunan Agung MIC Ke-57, semalam.

Sementara itu, tiga ahli sukan karate yang mengharumkan nama negara di persada antarabangsa iaitu S Premila yang menerima pingat emas dan RM15,000; R Puvaneswaran (pingat emas dan RM10,000) dan M Sri Raja Rajeswari (pingat emas dan RM5,000).

Selain itu, Pengerusi MIC Pahang, Datuk R Sinnathamby, menerima anugerah khas Presiden MIC sebagai membalas jasa beliau kepada parti dan negara selama ini. Beliau menerima sebutir pingat emas dan dipakaikan selendang emas.